| | |
|---|---|
| 2 | TAKRIFAN |
| 7 | PERATURAN AM |
| 19 | PERATURAN AKADEMIK |
| 26 | PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN |
| 33 | PERATURAN ETIKA PENAMPILAN PELAJAR |
| 38 | PERATURAN LALU LINTAS JALAN RAYA |
| 42 | PROSEDUR TATATERTIB |
| 51 | PROSEDUR RAYUAN |
| 52 | BAHAGIAN AM |
| 60 | AKU JANJI PENERIMA PERATURAN AM PELAJAR UNIVERSITI SELANGOR |

# CETAKAN KE-7
# EDISI 2018

## TAKRIFAN

**1.** Dalam Peraturan-Peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

"arahan lalu lintas" ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberikan oleh seseorang orang yang diberi kuasa kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam Kampus;

"kolej kediaman" ertinya apa-apa kemudahan dengan apa-apa jua nama yang dipanggil yang disediakan oleh Universiti bagi kediaman pelajar;

"bilik perbicaraan" ertinya sesuatu bilik yang diperuntukkan bagi maksud menjalankan prosiding tatatertib amnya atau bagi maksud prosiding tatatertib yang tertentu;

"dadah" ertinya apa-apa dadah atau bahan yang pada masa ini disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 [ Akta 234];

"isyarat lalu lintas" termasuk isyarat, tiang isyarat amaran, tiang arahan, isyarat, tanda atau alat yang

didirikan atau disediakan pada atau berhampiran dengan jalan untuk pengetahuan, panduan atau penunjuk orang-orang yang menggunakan jalan;

"judi" ertinya bermain apa-apa permainan beradu nasib, atau gabungan beradu nasib dan kemahiran, bagi wang atau nilai wang, dan termasuklah apa-apa pertaganan, apa-apa pertaruhan atau pertaruhan atau apa-apa loteri

"kampus" ertinya Kampus Universiti Selangor termasuklah semua kolej kediaman dan bangunan Universiti;

"kakitangan" ertinya mana-mana pekerja Universiti Selangor.

"kenderaan" ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan oleh jentera mekanisma yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor sama ada atau tidak bahagian dari kenderaan yang ditarik itu menindih atas kenderaan motor yang menariknya.

"menipu" termasuklah meniru.

"minuman keras" ertinya apa-apa minuman keras yang mempunyai apa-apa kekuatan alkohol.
"racun" ertinya apa-apa bahan yang dinyatakan melalui nama dalam ruang pertama Senarai Racun kepada Akta Racun 1952 [Akta 366] dan

termasuklah apa-apa sediaan, larutan, sebatian, campuran atau bahan semulajadi yang mengandungi bahan itu.

“Naib Canselor” ertinya berhubung dengan sesuatu Universiti,ertinya Naib Canselor,Presiden, Rektor atau Pengarah Universiti itu dan termasuklah mana-mana orang lain dengan gelaran apa jua disebut, yang dilantik sebagai ketua pengawai eksekutif Universiti itu dan ”Timbalan Naib Canselor” hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

“Universiti” ertinya mana-mana orang atau kumpulan yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Universiti Selangor.

“orang yang diberi kuasa” ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi sewajarnya untuk bertindak bagi pihak Universiti Selangor.

“pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu Universiti atau Kolej Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persedian, praijazah, lepas ijazah atau lepasan kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti atau Kolej Universiti, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.

“pegawai” ertinya mana-mana yang menyandang sesuatu jawatan di Universiti Selangor atau dalam

sesuatu badan yang mana adalah suatu pihak berkuasa Universiti, sama ada jawatan itu jawatan sukarela, atau untuk mendapat sasaran atau selainnya.

“pelajar pemegang biasiswa / pelajar tajaan termasuklah mana-mana pelajar yang sedang belajar atas biasiswa, dermasiswa, pinjaman, tajaan, cuti bergaji atau tanpa gaji, atau atas pemberian atau apa-apa kemudahan lain, daripada mana-mana kerajaan, institusi, pihak berkuasa berkanun, organisasi perdagangan atau perniagaan atau badan lain;

“pelajar menetap” ertinya seseorang pelajar yang mendiami di kolej kediaman;

“peperiksaan” termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian yang menyebabkan markah atau gred diberikan bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus tertentu;

“prosiding tatatertib” ertinya prosiding tatatertib di bawah peraturan-peraturan tatatertib pelajar UNISEL

“jawatankuasa tatatertib” ertinya Timbalan Naib Canselor HEP atau, mana-mana anggota kakitangan, mana-mana pegawai atau mana-mana pekerja Universiti, yang diwakilkan oleh Timbalan Naib Canselor HEP dengan tugas, kuasa atau kewajipan tatatertib.

”lembaga rayuan tatatertib” ertinya Naib Canselor dengan mana-mana pegawai mempunyai kuasa

untuk mengulangkaji atau mengubah atau membatalkan keputusan atau kesimpulan yang dibuat oleh jawatankuasa tatatertib.

# PERATURAN AM

## Larangan – larangan Am

**1.** Seseorang pelajar tidak boleh:

a) Menjalankan urusannya sama ada di dalam kampus atau di luar kampus dalam apa cara yang boleh merosakkan atau memudaratkan:

(i) kepentingan, kesejahteraan atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti ; atau

(ii) ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tatatertib.

b) Mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam kampus atau di luar kampus.

c) Mengganggu pengajaran, pengajian, penyelidikan, kerja pentadbiran, atau apa-apa kegiatan yang dijalankan & dibenarkan oleh Universiti.

d) Melarang, menghalang atau mengganggu mana-mana pegawai atau pekerja daripada menjalankan kewajipan atau tugasnya.

e) Melarang, menghalang atau mengganggu mana-mana pelajar daripada menghadiri kuliah,

tutorial kelas atau daripada mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti yang sah.

f) Menganjur, menghasut atau menyertai pemulauan apa-apa peperiksaan, kuliah, tutorial, kelas, atau kegiatan sah lain yang dijalankan oleh atau di bawah arahan atau dengan kebenaran Universiti; samada secara lisan mahupun bertulis.

g) Merosak, mengubah, mengganggu, mengalih atau dalam apa-apa cara berurusan dengan apa-apa bahan, objek, artikel atau harta dalam Universiti.

h) Melakukan apa-apa perbuatan atau menyebabkan apa-apa perbuatan di dalam kampus, supaya menyebabkan atau mungkin menyebabkan halangan, kesulitan, kegusaran, kerugian atau kerosakan kepada mana-mana orang di dalam Universiti.

i) Melanggar apa-apa arahan atau kehendak Pustakawan Universiti, anggota kakitangan perpustakaan atau pekerja perpustakaan lain berkenaan dengan penggunaan perpustakaan, buku-buku dalam perpustakaan dan kemudahan-kemudahan lain dalam perpustakaan.

j) Melanggar apa-apa arahan atau kehendak orang yang diberi kuasa berkenaan penggunaan mana-mana makmal, peralatan makmal, perkakas atau bahan, dan kemudahan lain dalam makmal.

## 2. Menganjurkan Perhimpunan.

(a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kebenaran terdahulu Naib Canselor mengadakan, menganjurkan, atau memanggil atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan, atau dipanggil atau dalam apa-apa cara, terlibat dalam pengadaan, penganjuran, atau pemanggilan, atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan, atau dipanggil, atau, dalam apa-apa cara terlibat dalam melakukan apa-apa perbuatan untuk mengadakan, menganjurkan atau memanggil, apa-apa perhimpunan yang lebih daripada lima orang dalam mana-mana bahagian kampus atau atas mana-mana tanah atau dalam mana-mana bangunan yang dipunyai oleh atau di bawah milikan atau kawalan Universiti atau yang digunakan bagi maksud Universiti.

(b) Dalam memberi kebenaran yang tersebut dalam peraturan-peraturan tatatertib pelajar UNISEL, Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang disifatkan perlu atau sesuai.

(c) Tiada pelajar boleh menghadiri atau menyertai sesuatu perhimpunan yang diadakan yang berlanggaran dengan peraturan-peraturan tatatertib pelajar UNISEL.

**3. Pembesar Suara.**

(a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh memiliki, atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, bagi maksud ucapan awam, apa-apa pembesar suara atau alat-alat serupa lain tanpa kelulusan terdahulu Naib Canselor.

(b) Dalam memberikan kelulusan dalam peraturan-peraturan tatatertib pelajar UNISEL, Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang disifatkan perlu atau sesuai.

**4. Sepanduk.**

(a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh:-

(i) Membuat atau menyebabkan supaya dibuat atau melakukan apa-apa perbuatan untuk membuat atau menyebabkan supaya dibuat.

(ii) Mengibar, mempamer, menunjukkan atau dalam apa-apa cara

menggunakan atau menyebabkan supaya dikibar, dipamer, ditunjukkan atau dalam menggunakan ; atau

(iii) Memiliki atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan pelajar, atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, apa-apa bendera, sepanduk, plakad, poster, lambang atau alat lain yang keadaan tidak berdisiplin, kekacauan, keingkaran atau pelanggaran kaedah-kaedah ini.

## 5. Penerbitan, Dokumen dan Sebagainya.

(a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, tanpa kebenaran terdahulu Naib Canselor, boleh menerbitkan, membahagi-bahagikan atau mengedarkan apa- apa dokumen di dalam kampus atau di luar kampus.

(b) Dalam memberikan kebenaran di bawah Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL , Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang dia fikirkan perlu atau sesuai.

(c) Kebenaran yang dikehendaki di bawah kaedah ini hendaklah sebagai tambahan bagi apa-apa lesen, permit atau apa-apa bentuk lain pemberikuasaan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

**6. Kegiatan Pelajar Luar Kampus.**

(a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar kampus yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada Universiti atau yang memudaratkan kepentingan Universiti.

(b) Naib Canselor boleh mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan kegiatan yang memudaratkan kepentingan Universiti.

**7. Pelajar Yang Melibatkan Diri Dalam Pekerjaan, Dan Sebagainya.**

(a )Tiada Pelajar boleh, di dalam kampus atau di luar kampus, melibatkan diri dalam apa-apa pekerjaan, pengajian, perniagaan, perdagangan atau kegiatan lain, sama ada atas dasar sepenuh masa atau sambilan sebelum mendapat kebenaran pengurusan.

**8. Representatif Berhubungan Dengan Universiti.**

(a) Tiada pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh, tanpa kelulusan Naib Canselor terlebih dahulu membuat apa-apa representatif atau apa-apa perhubungan lain, sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain, kepada mana-mana pegawai awam atau kepada akhbar atau kepada orang ramai dalam perjalanan kuliah, ucapan atau pernyataan awam atau dalam perjalanan apa-apa

penyiaran melalui bunyi atau gambar yang berhubungan dengan sesuatu perkara berkaitan dengan Universiti atau dengan kakitangan atau pelajar Universiti, atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar Universiti.

**9. Bantahan Pelajar Terhadap Kemasukan Orang – orang Ke Dalam Kampus.**

(a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh membuat apa-apa bantahan, sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain, terhadap kemasukan ke dalam, atau kehadiran dalam, atau larangan atau pemecatan mana-mana orang, badan atau kumpulan orang dari kampus.

**10. Judi Di Dalam Kampus.**

(a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh menganjur, mengurus, menjalankan atau membantu dalam penganjuran, pengurusan atau penjalanan, pertaganan, loteri atau pertaruhan di dalam kampus.

(b) Larangan dalam Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL, tidak terpakai bagi apa-apa perjudian, pertaganan, loteri atau pertaruhan di dalam kampus yang dianjur, diurus atau dijalankan oleh Universiti mengikut mana- mana undang-undang bertulis.

**11. Meminum Minuman Keras.**

(a) Tiada pelajar boleh, di dalam kampus, meminum atau mempunyai di dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa jua minuman keras.

(b) Mana-mana pelajar yang didapati berada dalam keadaan mabuk atau yang berkelakukan tidak senonoh di bawah pengaruh minuman keras di dalam kampus adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

**12. Bahan Lucah.**

(a) Tiada pelajar boleh, di dalam kampus mempunyai, dalam milikannya atau dibawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah.

(b) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, yang boleh membahagi-bahagikan, mengedarkan atau mempamerkan, atau menyebabkan supaya dibahagi-bahagikan, diedarkan atau dipamerkan, atau dalam apa-apa cara mengambil bahagian dalam pembahagian, pengedaran atau mempamerkan, apa-apa bahan lucah di dalam kampus.

(c) Seseorang pelajar hendaklah disifatkan sebagai membahagi-bahagikan atau mempamerkan sesuatu bahan lucah, tidak kira sama ada pembahagian, pengedaran atau pempameran itu kepada satu orang sahaja atau kepada lebih daripada satu orang yang sama ada atau tidak ada pembahagian, pengedaran atau pempameran itu adalah bagi apa-apa balasan lain.

**13. Dadah Atau Racun.**

(a) Tiada pelajar boleh mempunyai dalam milikannya atau dibawah jagaannya atau kawalannya apa-apa dadah atau racun.

(b) Tiada pelajar boleh memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa racun kepada mana-mana orang.

(c) Tiada pelajar boleh makan melalui mulut atau menghisap atau memasukkan ke dalam badanya dengan suntikan atau dalam apa-apa jua cara lain, apa-apa dadah atau racun.

(d) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada menjalani apa-apa rawatan oleh atau di bawah preskripsi pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50 ].

(e) Mana-mana pelajar yang didapati dibawah pengaruh mana-mana dadah adalah melakukan kesalahan tatatertib.

(f) Naib Canselor boleh menghendaki seorang pelajar yang disyaki menagih dadah menjalani Ujian air kencing.

(g) Jika seseorang pelajar enggan menyerah dirinya untuk menjalani ujian yang tersebut dalam peraturan-peraturan tatatertib pelajar UNISEL, dia adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

## 14. Kebersihan Di Dalam Kampus.

Seseorang pelajar tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menjejaskan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam kampus atau mana-mana kolej kediaman, dewan, kuliah, jalan, kawasan atau mana-mana bahagian kampus lain, atau binaan lain di dalam kampus.

## 15. Membuat Bising.

Seseorang pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi atau bising, atau menyebabkan apa-apa bunyi atau bising dikeluarkan, dalam apa-apa cara, jika bunyi atau bising itu menyebabkan atau

mungkin menyebabkan kemarahan atau gangguan kepada mana-mana orang di dalam kampus.

## 16. Pemeriksaan Ke Atas Pelajar Yang Disyaki Mempunyai Gangguan Mental.

Naib Canselor boleh menghendaki seseorang pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental menjalani pemeriksaan perubatan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan.

## 17. Tempat Tinggal Atau Tempat Tidur Dalam Kampus.

Tiada pelajar boleh menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bahgian kampus atau mana-mana bahagian bangunan di dalam Kampus sebagai tempat tinggal atau tempat tidur kecuali tempat tinggal yang disediakan untuknya dalam kolej kediaman oleh Universiti.

## 18. Memasuki Bahagian Atau Bangunan Kampus Yang Dilarang.

Seseorang pelajar tidak boleh masuk ke dalam mana-mana bahagian Kampus atau mana-mana bahagian mana-mana bangunan di dalam Kampus, yang kemasukan di dalamnya dilarang kepada pelajar amnya, terutamanya, kepada pelajar atau sesuatu kelas pelajar

**19. Merokok.**

Kawasan Universiti adalah merupakan kawasan larangan merokok. **Pelajar Dilarang Merokok** di dalam Kawasan Universiti.

**20. Keingkaran.**

Jika seseorang pelajar melanggar apa-apa arahan atau kehendak yang sah yang diberikan atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja
Universiti yang diberikan kuasa untuk memberi atau membuat arahan atau kehendak di dalam kampus, pelajar itu adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

**21. Kecurian**

Menjadi seseorang atau berkumpulan melakukan kerosakan dan kecurian di dalam kawasan Universiti Selangor samada untuk dimiliki, dijual atau diberikan kepada pihak ketiga.

i. Secara tidak jujur menerima harta yang telah dicuri dengan diketahui ia telah dicuri.

ii. Menolong dalam persembunyian atau pembuangan harta atau benda yang telah dicuri dengan diketahui

# PERATURAN AKADEMIK

## 1. Menghadiri Kuliah.

(a) Jika seseorang pelajar dikehendaki hadir mana-mana kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya, tidak boleh tidak hadir kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya itu tanpa kebenaran terdahulu Dekan Fakulti atau Sekolah, atau Ketua Akademi atau institut, atau Pengarah Pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(b) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terdahulu diperoleh, pelajar hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, memuaskan hati Dekan atau Ketua atau Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan dengan ketidakhadirannya.

## 2. Sekatan Ke Atas Penggunaan Teks Kuliah.

(a) Tertakluk kepada subkaedah , seseorang pelajar tidak boleh menggunakan teks mana-mana kuliah atau pengajaran yang disampaikan kepadanya di Universiti kecuali bagi maksud mengikut kursus pengajiannya, terutama dia tidak boleh membuat salinan dalam apa-apa cara tentang kesemua atau mana-mana bahagian teks itu bagi maksud penerbitan, pembahagian atau pengedaran, sama ada untuk bayaran atau tidak .

(b) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai menghadkan budi bicara Naib Canselor untuk mengeluarkan garis panduan bagi membenarkan seseorang pelajar, atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, membuat salinan teks mana-mana kuliah atau pengajaran di bawah kawalan dan arahan Naib Canselor, atau Dekan Fakulti atau Ketua Akademi atau Institut, atau Pengarah Pusat, dan Naib Canselor boleh mengenakan dalam garis panduan itu apa-apa terma dan syarat yang disifatkannya perlu atau sesuai berkenaan dengan pengeluaran semula teks mana-mana kuliah atau pengajaran.

**3. Larangan Terhadap Plagiarisme.**

(a) Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan data atau ciptaan orang lain.

(b) Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah:

(i) Perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri atau

(ii) Suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain.

(c) Tanpa menjejaskan keluasan makna subkaedah (b), seseorang pelajar memplagiat apabila dia:

(i) Menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang adalah keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain.

(ii) Menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik, atau akademik, atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik atau buku.

(iii) Memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai penyelidik bersama bagi penerbitan apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama.

(iv) Memetik data akademik yang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, atau data yang diperoleh melalui penyelidikan, perpustakaan, sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal.

(v) Menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usahasama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu anggota kakitangan atau pelajar Universiti sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik yang berbeza yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidikan bersamanya sebelum memulakan penyelidikan memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data.

(vi) Menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkara penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu.

(vii) Menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri atau;

(viii) Memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa ubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusun idea semula dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

## 4. Kehadiran Dalam Peperiksaan.

(a) Jika Kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan dia hadir bagi sesuatu peperiksaan dan dia tidak selainnya dihalang daripada peperiksaan itu, dia tidak boleh tidak hadir tanpa kebenaran terdahulu Dekan Fakulti atau Sekolah, atau Ketua Akademik atau Pengarah Pusat, mengikut mana-mana orang yang berkenaan.

(b) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terdahulu diperoleh, pelajar hendaklah memuaskan hati Dekan atau Ketua atau Pengarah, mengikut mana-mana berkenaan, berkenaan dengan

ketidakhadirannya dan memperoleh kelulusan berkenaan dengan ketidakhadirannya itu.

## 5. Kelakuan Semasa Peperiksaan.

(a) Tiada pelajar boleh:-

(i) Mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor.

(ii) Menulis, atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya.

(iii) Berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau

(iv) Menipu atau cuba menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

# PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

## 1. Memasuki Atau Berada Di Dalam Bilik Pelajar Menetap.

(a) Tiada seorang pun boleh memasuki sesuatu bilik di dalam kolej kediaman yang diduduki oleh seseorang pelajar menetap kecuali pelajar menetap itu sendiri.

(b) Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL tidak terpakai:-

(i) Bagi seseorang yang diberi kuasa yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawab; atau

(ii) Bagi seseorang yang memasuki bilik itu mengikut apa-apa kebenaran yang diberi oleh, atau bagi pihak pengurusan kolej kediaman; atau

(iii) Bagi pelajar menetap daripada jantina yang sama yang memasuki bilik itu untuk melawat bagi maksud sosial biasa.

(c) Maka hendaklah menjadi kewajipan seseorang pelajar menetap untuk memastikan bahawa sekatan dalam peraturan-peraturan ini betul-betul dipatuhi.

## 2. Menghalang Pegawai-Pegawai Atau Staf Menjalankan Tugas.

Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan apa-apa untuk melarang seseorang yang diberi kuasa daripada memasuki bilik pelajar menetap itu menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.

## 3. Berada Di Dalam Premis Kolej Kediaman Selepas Tengan Malam.

Selepas tengah malam, kecuali pelajar-pelajar menetap di dalam kolej kediaman masing-masing, tiada pelajar lain boleh berada di dalam premis kolej kediaman kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak penyelaras kolej kediaman.

## 4. Menggunakan Premis Kolej Kediaman Dengan Cermat Dan Larangan Kacau Ganggu.

(a) Seseorang pelajar hendaklah menggunakan premis dengan sewajarnya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh melakukan sesuatu yang boleh mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain pada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan pada apa-apa benda atau lekapan di dalamnya.

(b) Seseorang pelajar hendaklah, dalam menggunakan premis dan kemudahan-kemudahan di dalamnya, mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan bahawa dia tidak menyebabkan apa-apa kesulitan, kegusaran, halangan atau kacau atau ganggu mana-mana orang lain.

**5. Bertukar Bilik Tanpa Kebenaran Terdahulu.**

Jika seseorang pelajar diperuntukkan sebuah bilik di asrama untuk tinggal oleh Universiti, dia tidak boleh bertukar ke mana-mana bilik lain tanpa mendapat kebenaran terdahulu secara bertulis yang diberi oleh atau bagi pihak pengurusan asrama.

**6. Berpindah Bilik Tanpa Kebenaran Terdahulu.**

Seseorang pelajar menetap tinggal di kolej kediaman mengikut budi bicara dan kehendak Universiti.

a. Universiti boleh menghendaki seseorang pelajar menetap mengosongkan biliknya di kolej kediaman atau memindahkannya ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh Universiti pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa alasan.

b. Jika seseorang pelajar menetap dikehendaki mengosongkan biliknya di asrama ditukarkan di bawah Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL, dia hendaklah dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti mengeluarkan semua barang kepunyaannya dari bilik yang dikehendaki mengosongkan.

## 7. Bersopan Santun.

Pelajar wajib menunjukkan sikap bersopan santun & berakhlak mulia dengan sesiapa sahaja dikawasan kolej kediaman. Pelajar hendaklah bertegur sapa dan senantiasa memberi salam kepada sesiapa sahaja serta bekerjasama dan saling bantu membantu antara satu sama lain.

## 8. Kelakuan Kurang Sopan Di Sekitar Kolej Kediaman.

Pelajar tidak dibenarkan berkelakuan kurang sopan di sekitar kolej kediaman setiap masa.

## 9. Meyimpan Bahan Yang Merbahaya.

Pelajar tidak dibenarkan membawa bahan-bahan yang merbahaya di dalam kolej kediaman samada menyimpan, membawa atau memiliki bahan tersebut seperti minyak petrol, bahan kimia, perkakas yang tajam seperti kerambit, pedang, kecuali dengan kebenaran pengurusan kolej kediaman terdahulu. Pelajar juga dilarang bermain mercun di kolej kediamaan.

## 10. Binatang Peliharaan.

Pelajar tidak dibenarkan memelihara/menyimpan sebarang jenis haiwan peliharaan di dalam kawasan kolej kediaman.

## 11. Barangan Elektrik Dan Masakan.

Setiap pelajar yang mempunyai atau memiliki alat-alat elektrik dan masakan di biliknya atau kolej kediaman dikehendaki mendapatkan kebenaran terdahulu daripada Unit Residen.

## 12. Simbol Keagamaan

Pelajar tidak dibenarkan memaparkan, mempamerkan, menunjukkan atau dalam apa-apa cara menggunakan sebarang bahan, benda, lambang, yang berunsur keagamaan yang boleh menyebabkan timbul ketidakselesaan kepada pelajar lain.

## 13. Kuasa Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Untuk Memberi Perintah,berkenaan Dengan Ketenteraman Dan Tatatertib

(a) Pihak Pengurusan Kolej Kediaman atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor boleh dari semasa ke semasa, memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang difikirkannya perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib di dalam Kolej Kediaman.

(b) Perintah, arahan atau petunjuk itu boleh secara amnya terpakai bagi semua atau sesuatu kelas atau perihal pelajar atau seseorang pelajar tertentu, dan hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang kepadanya perintah, arahan atau petunjuk itu terpakai untuk mematuhi dan melaksanakan perintah arahan atau petunjuk itu.

(c) Pihak berkuasa tatatertib boleh pada bicaranya, sebagai ganti Mengambil prosiding tatatertib, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan tidak melebihi lima puluh ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana perintah, arahan atau petunjuk.

(d) Dengan syarat bahawa sebelum hukuman itu dikenakan ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya satu peluang untuk membuat, dengan sertamerta, representasi lisan berkenaan dengan kesalahan itu.

(e) Setelah pengenaan hukuman yang tersebut dalam Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL, pihak berkuasa tatatertib dengan serta merta menyerahkan kepada pelajar suatu notis tentang pengenaan hukuman itu dalam apa-apa bentuk yang diarahkan oleh Timbalan Naib Canselor HEP **.**

**14.** Menjadi seseorang atau berkumpulan melakukan kecurian atau kerosakan unit Access Point **(AP)** di dalam kawasan Kolej Kediaman.

(a) Secara tidak jujur menerima harta yang telah dicuri dengan diketahui ia telah dicuri

(b) Menolong dalam persembunyian atau pembuangan harta atau benda yang telah dicuri dengan diketahui demikian.

(c) Tidak bertanggungjawab menjaga keselamatan / harta benda yang disediakan oleh pihak Universiti sehingga mengakibatkan kerugian.

# PERATURAN ETIKA PENAMPILAN PELAJAR

## 1. Objektif.

Peraturan etika penampilan pelajar yang digariskan oleh pengurusan Universiti adalah salah satu panduan dan tatacara berpakaian yang sesuai bagi pelajar Universiti Selangor. Peraturan ini juga bertujuan untuk menjaga nama baik Universiti. Antara tujuan peraturan ini diperkenalkan adalah untuk membentuk suasana kampus yang harmoni, tenteram, berdisiplin dan mempunyai kesopanan dan kesusilaan selaras dengan kedudukan Unisel sebagai sebuah institusi pengajian tinggi pembelajan ilmu.

## 2. Peraturan – Peraturan Am.

(a) Semua pelajar diwajibkan memakai kad matrik sepanjang berada di kawasan kampus dan bertukar kad matrik adalah tidak dibenarkan.

(c) Setiap pelajar diwajibkan mempamerkan kad matrik kecuali semasa menyertai aktiviti sukan.

(d) Setiap pelajar dilarang memakai pakaian yang melambangkan sebarang pertubuhan, kumpulan, organisasi atau simbol kecuali dalam keadaan yang tertentu dan setelah mendapat kebenaran daripada pengurusan Universiti.

(e) Setiap pelajar dilarang mempamerkan unsur-unsur yang bertentangan dengan moral dan etika yang tidak baik.

(f) Setiap pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat pakaian yang ditetapkan dibawah peraturan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, fakulti-fakulti, jabatan-jabatan, Hal Ehwal Akademik, pusat- pusat pentadbiran di kampus, makmal dan sebagainya.

**3. Pakaian Mahasiswa.**

(a) Setiap pelajar hendaklah berpakaian kemas, rapi, ceria, bersopan yang sesuai sebagai seorang pelajar Universiti.

(b) Setiap pelajar diwajibkan berpakaian sopan (baju berkemeja, T-berkolar, berkasut, berseluar panjang, tidak memakai topi dan tidak memakai pakaian yang bertampal-tampal.

(c) Setiap pelajar juga tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat, mempamerkan susuk tubuh, mendedahkan tubuh badan dan mencolok mata seperti berikut:

a. Memakai skirt di atas paras lutut.
b. Berseluar pendek.
c. Berbaju T-shirt tanpa kolar.
d. Berselipar
e. Memakai skirt ketat.
f. Memakai tindik bagi lelaki dan keterlaluan bagi perempuan.

(d) Pelajar lelaki dilarang sama sekali memakai subang dan rantai.

(e) Setiap pelajar dilarang memakai **Tatoo** di mana-mana anggota badan .

(f) Semasa menghadiri majlis rasmi Universiti, setiap pelajar **diwajibkan** berpakaian formal seperti berkemeja lengan panjang, bertali leher dan berseluar panjang (bukan jeans), memakai jaket atau berbaju batik, berkasut atau berpakaian uniform. Bagi pelajar perempuan diwajibkan memakai baju kurung atau pakaian yang bersopan seperti berskirt labuh di bawah paras lutut (non muslim) atau berseluar panjang yang tidak mengikut bentuk susuk badan.

(g) Di dalam majlis rasmi setiap pelajar tidak dibenarkan memakai topi atau bandana kecuali semasa aktiviti riadah.

(h) Pelajar lelaki tidak dibenarkan berpakaian menyerupai wanita dan sebaliknya.

(i) Pakaian yang **berfesyen** (luar biasa) tidak dibenarkan untuk dipakai.

(j) Digalakkan memakai pakaian kebangsaan pada tiap-tiap hari jumaat.

## 4. Rambut.

(a) Setiap pelajar hendaklah sentiasa berambut kemas dan rapi

(b) Pelajar tidak dibenarkan menyimpan rambut panjang.

(c) Pelajar tidak dibenarkan mewarnakan rambut.

(d) Berfesyen rambut keterlaluan bagi lelaki dan perempuan adalah **dilarang.**

(e) Rambut tidak boleh mencecah kolar bagi pelajar lelaki.

## 5. Penafian Perkhidmatan Dan Tempat Penguatkuasaan.

Setiap pelajar siswa/siswi adalah merupakan pelanggan Universiti. Pihak Universiti berhasrat memberikan layanan atau perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar, sekiranya pelajar siswa/siswi tersebut tidak mematuhi etika penampilan pemakaian. Pelajar tidak akan dilayan dan dinafikan perkhidmatan tersebut jika tidak mematuhi etika penampilan pelajar di semua **kaunter perkhidmatan, pejabat fakulti, pusat-pusat, jabatan-jabatan, dewan utama, dewan kuliah, bilik tutorial dan makmal**.

## 6. Hukuman.

Pelanggaran Etika Penampilan Pelajar boleh disabitkan dengan hukuman berdasarkan Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL iaitu **Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor HEP boleh mengeluarkan apa-apa arahan, secara bertulis yang difikirkannya perlu yang berhubungan dengan cara berpakaian pelajar di dalam kampus.**

# PERATURAN LALU LINTAS JALAN RAYA

## 1. Kebenaran Membawa Kenderaan.

(a) Seseorang pelajar yang bercadang untuk menyimpan, atau mempunyai, memliki kenderaan motor hendaklah memohon kebenaran daripada pihak pengurusan Universiti.

(b) Permohonan tersebut hendaklah dengan mengisi borang dengan melampirkan salinan lesen serta cukai perjalanan kenderaan tersebut.

(c) Setiap pemilik kenderaan tersebut perlulah menampal atau meletakkan pelekat kenderaan masing-masing.

(d) Setiap kenderan perlulah memperbaharui permohonan tersebut bagi tujuan pembaharuan.

(e) Setiap permohonan boleh dibatalkan oleh pihak Universiti sekiranya tidak berpuashati dengan pemilik kenderaan itu di atas sebab yang munasabah.

## 2. Daftar Kenderaan Motor.

Setiap pelajar hendaklah mendaftarkan kenderaan yang dimiliki atau dipunyai hanya di dalam Universiti.

**3. Had Laju.**

Pelajar adalah tidak dibenarkan memandu kenderaan bermotor di dalam kampus melebihi kelajuan yang telah ditetapkan oleh pihak Unit Keselamatan Universiti.

**4. Kawasan Pemanduan di Kampus.**

Pelajar hanya boleh memandu kenderaan motor di mana-mana jalan raya selain dari bahagian jalan yang digunakan sebagai laluan pelajar yang berjalan kaki, bahu jalan, tepi rumput, lorong jalan kaki, koridor, beranda, kaki lima, laman dalam atau mana-mana bahagian bangunan atau tempat lain.

**5. Tempat Letak Kenderaan.**

Pelajar hendaklah meletakkan kenderaan pada tempat khas yang telah disediakan dan hendaklah meletakkannya secara yang tidak mendatangkan bahaya atau halangan atau kesulitan kepada kenderaan lain.

Setiap pelajar tidak dibenarkan meletakkan kenderaan di tempat atau ruang letak, petak kenderaan yang dikhaskan bagi kenderaan tertentu.

**6. Membonceng.**

Seorang pelajar yang membonceng motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada seorang di atas motosikal itu.

## 7. Arahan Dan Isyarat Lalu Lintas.

Semua pelajar hendaklah mematuhi semua arahan lalu lintas yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan Universiti.

## 8. Lesen Memandu Dan Kad Matrik.

Mana-mana pelajar yang memandu sesebuah kenderaan motor hendaklah membawa bersamanya lesen memandu yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 **[Akta 333]**, cukai jalan yang tidak tamat tempoh dan kad matrik pelajar.

## 9. Halangan Kepada Aliran Lalulintas.

Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan dalam apa-apa cara , atau melakukan apa-apa perbuatan, yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang licin dan teratur di dalam kampus.

## 10. Pelekat Kenderaan.

Setiap pelajar yang telah mendapat kebenaran untuk membawa kenderaan ke dalam kampus hendaklah menampal pelekat kenderaan di bahagian yang boleh dilihat dari hadapan. Pelekat tersebut boleh didapati di Unit Pentadbiran Universiti.

## 11. Pemakaian Topi Dan Tali Pinggang Keledar.

Setiap pelajar diwajibkan memakai topi keledar sama ada yang memandu kenderaan, pembonceng serta memakai tali pinggang keledar bagi kenderaan motokar.

## 12. Kuasa Ketua Unit Keselamatan Universiti.

(a) Ketua Unit Keselamatan dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor boleh dari masa ke semasa secara lisan, bertulis, atau apa-apa perintah, arahan, atau petunjuk yang difikirkannya sesuai untuk menjaga keselamatan dan tatatertib lalulintas di dalam Kampus.

(b) Ketua Unit Keselamatan dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor boleh mengambil kad matrik pelajar sekiranya didapati melakukan kesalahan tatatertib.

(c) Jawatankuasa tatatertib juga boleh pada bicaranya sebagai ganti prosiding tatatertib dengan mengenakan tatatertib terus kepada pelajar dengan amaran atau denda yang tidak melebihi lima puluh ringgit.

# PROSEDUR TATATERTIB

**1**. Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL**,** dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti berikut:-

(a) Memohon maaf secara bertulis dan rasmi kepada pihak yang terbabit dalam kes berkaitan.

(b) Amaran Keras.

(c) Menghadiri sesi kaunseling dengan kaunselor UNISEL.

(d) Melakukan kerja amal yang sesuai mengikut ketetapan oleh Jawatankuasa Tatatertib.

(e) Denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap kesalahan.

(f) Membayar kos keseluruhan unit AP (Access Point) yang hilang. Kos adalah tanggungan setiap penghuni yang berdaftar di blok berkaitan.

(g) Dilarang berada pada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh ditetapkan.

(h) Digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang di tetapkan.

(i) Diberhentikan daripada pengajian.

**2. Kehadiran Di Hadapan Jawatankuasa Tatatertib.**

Jika pada pendapat jawatankuasa tatatertib bahawa seorang pelajar telah melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL ini, jawatankuasa tatatertib hendaklah memberitahu secara lisan dan bertulis kepada pelajar dan ibu bapa penjaga mengikut alamat yang didaftarkan di pihak Universiti tentang kesalahan tatatertib yang didakwa itu dan meminta pelajar itu hadir di hadapannya di suatu bilik perbicaraan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh jawatankuasa tatatertib.

**3. Akibat Tidak Hadir Di Hadapan Jawatankuasa Tatatertib.**

(a) Jika seseorang pelajar tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib mengikut Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL, walaupun setelah surat pertuduhan ke 2 dikeluarkan, maka jawatankuasa tatatertib boleh menjatuhkan hukuman kepada pelajar tersebut

**4. Penjelasan Fakta Dan Pengambil Rayuan.**

Dalam prosiding tatatertib, jawatankuasa tatatertib hendaklah menjelaskan kepada pelajar tentang fakta

kesalahan tatatertib yang didakwa telah dilakukan oleh pelajar dan meminta pelajar membuat pengakuan atas kesalahan itu.

## 5. Pengakuan Bersalah Dan Tatacara Berikutnya.

(a) Jika pelajar mengaku bersalah, jawatankuasa tatatertib hendaklah menerangkan kepadanya tentang fakta kes.

(b) Jika pelajar mengaku tentang fakta ini dan jawatankuasa tatatertib berpuashati bahawa suatu kesalahan pada hakikatnya telah dilakukan daripada fakta tersebut, jawatankuasa tatatertib hendaklah mengumumkan dia bersalah atas kesalahan tatatertib dan memintanya untuk mengemukakan apa-apa rayuan untuk meringankan hukuman dalam tempoh 7 hari kepada Naib Canselor UNISEL.

## 6. Tatacara Apabila Pelajar Tidak Mengaku Bersalah.

(a) Jika pelajar mengaku bahawa dia tidak mengaku bersalah atas kesalahan tatatertib atau gagal atau enggan membuat pengakuan atau tidak mengaku akan fakta kes, jawatankuasa tatatertib hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau artikel lain menyokong kes terhadap pelajar; pelajar hendaklah diminta menyoal saksi dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel dan pihak berkuasa tatatertib boleh memeriksa semula saksi.

(b) Bagi maksud Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL, saksi hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan dalam pembicaraan oleh jawatankuasa tatatertib.

**7. Keterangan Pelajar.**

Selepas keterangan yang tersebut dalam Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL, diterima dan jawatankuasa tatatertib mendapati bahawa ada suatu kes untuk dijawab, pelajar hendaklah diminta memberi keterangannya, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau apa-apa artikel lain bagi pembelaannya; jawatankuasa tatatertib boleh menyoal pelajar atau mana-mana daripada saksi pelajar dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel, dan pelajar boleh memeriksa semula mana-mana daripada saksinya itu.

**8. Memanggil Semula Saksi.**

Jawatankuasa tatatertib boleh menyoal atau memanggil semula mana-mana saksi pada bila-bila masa sebelum jawatankuasa itu mengumumkan keputusannya.

**9. Pengumuman Keputusan.**

Selepas mendengar keterangan saksi-saksi dan memeriksa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya, jawatankuasa tatatertib hendaklah mengumumkan keputusannya dalam kes itu, dan jika jawatankuasa itu memutuskan bahawa bersalah atas

kesalahan tatatertib, jawatankuasa itu hendaklah meminta pelajar membuat apa-apa rayuan untuk meringankan hukumannya dalam tempoh 7 (termasuk hari cuti umum) hari kepada Naib Canselor UNISEL.

## 10. Mengenakan Hukuman.

Selepas pelajar mengemukakan hujah bagi meringankan hukumannya, jawatankuasa tatatertib hendaklah mengenakan ke atas pelajar satu daripada hukuman yang telah dinyatakan di dalam Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL.

## 11. Jagaan Dan Pelupusan Barang Kes (Eksibit).

(a) Jawatankuasa tatatertib boleh memerintahkan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan mana-mana prosiding tatatertib supaya disimpan dalam jagaannya atau dalam jagaan orang yang dinyatakan oleh jawatankuasa tatatertib sementara menanti tamatnya prosiding tatatertib itu.

(b) Jawatankuasa tatatertib hendaklah apabila tamat prosiding tatatertib di hadapannya, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk melupuskan apa- apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan prosiding tatatertib, dan boleh mengarahkan supaya perintah itu mula berkuatkuasa samaada secara serta merta atau pada suatu masa yang ditetapkan oleh jawatankuasa tatatertib itu.

## 12. Nota Bertulis Mengenai Prosiding Tatatertib.

Jawatankuasa tatatertib, hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat nota-nota bertulis mengenai semua prosiding tatatertib di hadapannya tetapi nota-nota itu tidak perlu dibuat kata demi kata.

## 13. Jagaan/ Menyimpan Nota.

Nota-nota mengenai prosiding tatatertib hendaklah disimpan dalam jagaan Naib Canselor.

## 14. Daftar Prosiding Tatatertib.

Naib Canselor hendaklah menyelenggara suatu daftar bagi semua prosiding tatatertib yang dijalankan di bawah Kaedah-kaedah ini, daftar itu hendaklah merekodkan nama pelajar, butir-butir kesalahan tatatertib, kemajuan, perjalanan, prosiding, keputusan prosiding dan maklumat- maklumat atau butir-butir lain sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor.

## 15. Laporan Prosiding Kepada Ibu Bapa, Menteri Dan Sebagainya.

(a) Jika seseorang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, Naib Canselor hendaklah menghantar suatu laporan berkenaan dengan prosiding tatatertib itu kepada orang-orang yang berikut:-

(i) Menteri.

(ii) Ibu bapa atau penjaga pelajar.
(iii) Dalam hal pelajar pemegang biasiswa, kepada jawatankuasa atau badan penaja biasiswa atau pemberi biasiswa.
(iv) Dalam hal pelajar yang juga seorang pekerja kerajaan, kepada Ketua Jabatan pekerja itu.

(b) Bagi orang yang di dalam perenggan (ii) hingga (iv) hendaklah diberikan permohonan nota prosiding tersebut disahkan setelah membayar (denda) yang ditetapkan oleh Naib Canselor denda tersebut tidak boleh melebihi lima puluh ringgit dan mendapat perintah dari mahkamah.

(c) Suatu salinan nota prosiding tatatertib yang disahkan berkenaan dengan mana-mana kes tertentu hendaklah diberi oleh Naib Canselor kepada Menteri jika beliau berkehendakkan nota prosiding itu.

**16. Bayaran Denda.**

(a) Jika jawatankuasa tatatertib mengenakan hukuman denda ke atas pelajar, jawatankuasa tatatertib hendaklah menyatakan tempoh yang denda hendaklah dibayar dan pelajar hendaklah membayar denda dalam tempoh tersebut kepada bendahari.

(b) Tempoh tersebut hendaklah tidak kurang dari enam belas hari dari tarikh keputusan jawatankuasa tatatertib.

## 17. Akibat Tidak Membayar Denda.

Jika pelajar itu tidak membayar denda dalam tempoh yang telah ditetapkan, dia hendaklah dengan serta merta digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki kawasan kampus, pergantungan itu hendaklah sehingga denda dibayar.

## 18. Perintah Membayar Ganti Rugi.

(a) Jika apa-apa hukuman tatatertib telah dikenakan ke atas seseorang pelajar, jawatankuasa tatatertib boleh, sebagai tambahan, memerintah pelajar tersebut membayar pampasan sebagaimana yang ditetapkan oleh jawatankuasa tatatertib berkenaan dengan kerosakan pada mana-mana harta atau apa-apa kerugian atau kecederaan kepada mana-mana orang.

(b) Seseorang pelajar boleh diperintahkan membayar pampasan di bawah Peraturan-peraturan Tatatertib Pelajar UNISEL ini tidak kira sama ada harta yang rosak itu kepunyaan Universiti atau mana-mana orang lain.

(c) Amaun pampasan yang ditetapkan oleh jawatankuasa hendaklah amaun yang adil dan munasabah dengan mengambil kira semua hal perkara kes dan orang yang terlibat dalam kes itu.

(d) Pampasan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa tatatertib hendaklah dibayar kepada Bendahari dalam tempoh yang telah ditetapkan.

(e) Apa-apa pampasan yang kena bayar atau dibayar hendaklah tanpa menjejaskan hak mana-mana orang untuk memulakan prosiding sivil dalam mahkamah undang-undang bagi kerosakan atau pampasan berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan yang tersebut, atau mana-mana orang untuk menerima apap-apa bayaran atau pampasan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan itu.

**19. Orang-Orang Yang Boleh Hadir Dalam Prosiding Tatatertib.**

(a) Jawatankuasa Tatatertib.
(b) Pelajar yang didakwa.
(c) Saksi semasa dia memberi keterangan atau apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa tatatertib; dan
(d) Mana-mana orang lain yang dibenarkan hadir oleh jawatankuasa tatatertib bagi apa-apa sebab yang tertentu dan disebabkan.

# PROSEDUR RAYUAN

## 1. Notis Rayuan.

(a) Jika seseorang pelajar tidak berpuas hati dengan keputusan suatu jawatankuasa tatatertib, pelajar tersebut boleh memberi notis secara bertulis tentang niatnya untuk merayu terhadap keputusan itu dengan memfailkan kepada Naib Canselor suatu rayuan dalam dua salinan dalam masa tujuh hari (termasuk hari cuti umum) dari tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya secara lisan.

(b) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan dengan jelas alasan-alasan rayuan .

## 2. Penyampaian Rayuan Kepada Naib Canselor.

Sekteriat Lembaga Rayuan Tatatertib hendaklah apabila menerima notis rayuan, mengemukakan notis rayuan itu kepada Naib Canselor bersama dengan satu salinan fail pertuduhan dalam masa 30 hari dari surat keputusan perbicaraan dikeluarkan.

## 3 . Rayuan Tidak Berkuatkuasa Sebagai Penggantungan Perlaksanaan Hukuman.

Sesuatu rayuan oleh seseorang pelajar tidak berkuatkuasa sebagai menggantung pelaksanaan hukuman yang dikenakan atau sebagai menggantung pembayaran apa-apa

pampasan yang diperintahkan dibayar, melainkan jika Naib Canselor atau Menteri mengarahkan sebaliknya

## BAHAGIAN AM

**1.** Jika seseorang pelajar universiti dipertuduh atas suatu kesalahan jenayah, dia hendaklah dengan itu serta-merta digantung daripada menjadi seorang pelajar universiti dan dia tidak boleh, dalam masa menunggu keputusan prosiding jenayah itu, tinggal atau masuk dalam kampus UNISEL.

**2.** Pengantungan

Jika mana-mana mahkamah di dalam atau di luar negara telah menjatuhkan pertuduhan di atas kesahihan bukti terhadap pelajar UNISEL, pelajar itu boleh dibicarakan dalam mahkamah perbicaraan tatatertib pelajar dan digantung atau diberhentikan pengajian.

# Etika Penampilan Pemakaian Pelajar Lelaki Unisel



# Etika Penampilan Pemakaian Pelajar Lelaki Unisel



# Etika Penampilan Pemakaian Pelajar Lelaki Unisel



# Etika Penampil Pemakaian Pelajar Perempuan Unisel



# Etika Penampilan Pemakaian Pelajar Perempuan Unisel



# Etika Penampilan Pemakaian Pelajar Perempuan Unisel



# Etika Penampilan Pelajar Siswa ( RAMBUT)







## Etika Rambut.

1. Setiap pelajar hendaklah sentiasa berambut kemas dan rapi

2. Pelajar tidak dibenarkan menyimpan rambut panjang.

3. Pelajar tidak dibenarkan **mewarnakan** rambut.

4. Berfesyen rambut keterlaluan bagi lelaki adalah dilarang.

5. Rambut tidak boleh melebihi kolar.

**AKU JANJI**

**PENERIMA PERATURAN AM PELAJAR UNIVERSITI SELANGOR**

**Kepada Naib Canselor Universiti Selangor:**

1. Saya, ..................................................................................... No. K/P: .................................................................... dengan ini mengaku bahawa saya telah membaca dan memahami peraturan am Universiti Selangor.

2. Dan saya juga berjanji untuk mematuhi semua peraturan am yang telah ditetapkan oleh Universiti Selangor pada setiap masa.

3. Saya juga berjanji akan menjaga nama baik Universiti Selangor.

Tandatangan Pelajar : .....................................................

No Matrik : .....................................................

Fakulti : .....................................................

Tarikh : .....................................................

*Nota: Setiap pelajar perlu mengembalikan akujanji ini kepada Naib Canselor Universiti Selangor.*